



## SIARAN MEDIA

### YAYASAN WAQAF MALAYSIA SUMBANG RM50,000 KEPADA PERSATUAN KANSER NETWORK

---

***Petaling Jaya, 13 Disember 2023*** – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM50,000 kepada Persatuan Kanser Network (KanWork) bagi tujuan membaikpulih dan membuat beberapa pengubahsuaian di Rumah KanWork yang terletak di Damansara Utama, Petaling Jaya.

Cek cura sumbangan yang bernilai RM50,000 telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YWM, YBr. Dr. Ridzwan Bakar kepada Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin selaku penaung Rumah KanWork.

Sumbangan YWM ini dilihat amat signifikan dalam pembangunan rumah KanWork memandangkan rumah KanWork ini berfungsi sebagai pusat pembangunan, sokongan, rekreasi dan aktiviti sosial bagi pesakit kanser, bekas pesakit dan keluarga pesakit. Rumah KanWork adalah rumah yang diwakafkan dan didaftarkan di atas nama Majlis Agama Islam Selangor di mana ianya menyediakan kemudahan sosial seperti aktiviti kumpulan sokongan, aktiviti sosial, riadah dan sumber pendidikan serta rujukan kanser.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengagihan YWM yang telah diadakan pada 7 Disember 2023 telah meluluskan sumbangan sejumlah RM50,000. Nilai RM50,000 yang disumbangkan oleh YWM ini merupakan pecahan daripada sumber Dana Sijil Wakaf Tunai Kesihatan YWM sebanyak RM24,000 yang akan digunakan bagi tujuan pembelian perabot manakala baki RM26,000 lagi adalah sumber dana daripada CSR Prihatin YWM yang akan digunakan bagi tujuan kerja-kerja binaan baru di rumah KanWork.

Semoga dengan sumbangan ini dapat melancarkan urusan operasi Rumah KanWork seterusnya dapat membantu para pesakit kanser dan bekas pesakit serta keluarga menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik, Insya Allah.

Untuk berwakaf, masyarakat boleh layari [www.ywm.gov.my/wakaf-online](http://www.ywm.gov.my/wakaf-online) atau salurkan sumbangan wakaf anda ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia Public Islamic Bank 3996004900.

-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia  
13 Disember 2023

---

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin  
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat  
019-3883395  
[azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my) / [haidatulazia.ywm@gmail.com](mailto:haidatulazia.ywm@gmail.com)